

MAHATHIR-BERONTAK

1984  
KUALA SELANGOR, 22 APRIL (BERNAMA) -- OAYUK SERI OR. MAHAYHR MOHAMAD TIDAK MAHU RAKYAT MENGGUNAKAN TAKTIK MEMBERONTAK, BERDEMONSTRASI DAN BERPEKIK-PEKIK UNTUK MENDAPATKAN SESUATU YANG DIINGINI.

PERDANA MENTERI BERKATA HEREKA SEPATUTNYA BERLUMBA OAN BERSAING UNTUK MENYERTAI SEMUA BIDANG.

SEMANGAT BERLUMBA INI FERLU MEMANDANGKAN NEGARA INI MASIH DIISTILAHKAN SEBAGAI NEGARA MEMBANGUN, BANGSA MELAYU BELUM MAJU MALAHAN AOA YANG MISKIN DANKETINGGALAN.

"CARA UNTUK MENDAPATKAN KEJAYAAN BUKAN MENERUSI MEMBERONTAK, BERDEMONSTRASI, BERPEKIK MEMINTAITU DAN INI, TETAPI BERLUMBA UNTUK MENDAPATKANNYA." TEGASNYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN UMNO KUALA SELANGOR DI SINI.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT J X K A SESEORANG ITU TIDAK BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN, TETAPI CUMA TAHU MEMBERONTAK, MAKA SEGALA YANG DIPEROLEHI AKAN LENYAF BEGITU SAHAJA DALAM JANGKA MASA PANJANG.

OLEH DEMIKIAN BELIAU HENYERU ANGGOTA UMNO KHASNYA SUPAYA MENGELAKKAN KEGIATAN SEUMPAMA ITU DAN MENGGUMAKAN KEBIJAKSANAAN DAMPATUH KEFAOA PERLEMBAGAAN PARTI.

-- LAGI 1918/LK

ICZC 8621

MAHATHIR-BERONTAK 2 KUALA SELANGOR

BELIAU JUGA MEMBIDAS +SUARA-SUARA SUMBANG+ YANG MENKRITIK BERBAGAI-BAGAI OASAR KERAJAAN YANG DIJALANKAN KONONNYA TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA RAKYAT MEMANDANGKAN YANG MISKIN TERUS MISKIN.

"SAYA BOLEH MENYENARAXKAN BEBERAPA DASAR DAN PENDEKATAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TETAPI MENDAPAT KRITIKAN ORANG-ORANG INI. PADA MEREKA INI, SEMUA YANG DIJALANKAN YXOAK BAIK," KATANYA.

DATUK SERI OR. MAHATHIR JUGA BERJANJI AKAN BERUSAHA MENDAPATKAN LEBIH BANYAK INDUSTRI OXTEMPATKAN DX KAWASAN-KAWASAN YANG TERPENCIL SEPERTI KUALA SELANGOR.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SEMENTARA RUNDINGAN DIJALANKAN DENGAN AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN, RAKYAT TEMPATAN HENDAKLAH CUBA MENGELUARKAN PERUSAHAAN KRAFTANGAN YANG MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN YANG TERDAPAT DI KAWASAN MEREKA.

KAYAWYA, RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH MENIRU JEPUN DAN KOREA YANG MULA-MULA MENYERTAI LAPANGAN KRAFTANGAN SEBELUM MEMPEROLEHI TEKNOLOGI INDUSTRI YANG LEBIH SOFISTIKATED.

-- BERNAMA 1722/LK